





BULETIN

MAJLIS DAERAH SUBIS



-  Majlis Daerah Subis Rasmi
-  Tel:085-719 018/Fax:085-719 527
-  www.mdsulis.sarawak.gov.my
-  Majlis Daerah Subis, Peti Surat 83, 98150 Bekenu, Miri, Sarawak

"Walking Extra Miles"

Subis Uniquely Beautiful Innovative Simply The Best

Jul - Dis
2025
EDISI 2

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

CIK STELLA JELICA JOSEPH
Setiausaha, N10

PENYELARAS

ENCIK MATASSAN BIN PIUT
Penolong Pegawai Tadbir, N6

EDITOR

PUAN SERINA SALLEH
Pembantu Pustakawan, S3
ENCIK MIFTAHUL RAZIQIN BIN RASHID
Atendan Perpustakaan

JURUFOTO

KAKITANGAN MAJLIS DAERAH SUBIS

PENERBIT

Unit Perpustakaan
Bahagian Pembangunan Komuniti
Majlis Daerah Subis

PEGAWAI PELANTIKAN



Nama: Alingrin Patrick Pugang

Jawatan: Pembantu Penguatkuasa,
KP2

Tarikh Melapor: 1 Ogos 2025



Nama: Ismandi bin Ramli

Jawatan: Pembantu Khidmat Am,
HI

Tarikh Melapor: 1 Ogos 2025



Nama: Norzahirah binti
Abdul Ghani

Jawatan: Atendan Perpustakaan

Tarikh Melapor: 11 Ogos 2025



Nama: Nur Fitri Syahida binti
Ismawi

Jawatan: Atendan Perpustakaan

Tarikh Melapor: 11 Ogos 2025



Nama: Sarizah binti Samah

Jawatan: Atendan Perpustakaan

Tarikh Melapor: 11 Ogos 2025

ISI KANDUNGAN

BULAN	MUKA SURAT
JULAI	1-5
OGOS	6-12
SEPTEMBER	13-17
OKTOBER	18-22
NOVEMBER	23-27
DISEMBER	28-36

SESI AUDIT STAR RATING DARI KEMENTERIAN KESIHATAN AWAM, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



1 Julai 2025

Bekenu - Majlis Daerah Subis telah menerima kunjungan dari rombongan auditor kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Sarawak (MPHLG) untuk sesi audit Star Rating yang merangkumi keseluruhan setiap aspek gerak kerja dan perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh Pihak Majlis Daerah Subis.



MAJLIS PERASMIAN SEMINAR 2025 SARAWAK LESTARI SIRI 3



3 Julai 2025

Bekenu - Seluruh Jabatan kerajaan dan agensi negeri Sarawak telah bersama menghadiri dan mengikuti Majlis Perasmian Seminar 2025 Sarawak Lestari Siri 3 secara atas talian melalui siaran langsung dari Hotel Pullman, Miri dan disempurnakan oleh Yang Berhormat Hajah Rosey binti Haji Yunus Timbalan Menteri Pembangunan wanita Dan Kanak-Kanak, Sarawak.



AKTIVITI SEMPERNA BULAN MEMBACA KEBANGSAAN: PERTANDINGAN VIDEO BERECERITA TAHAP 1



14-31 Julai 2025

Batu Niah - Sempena dengan bulan membaca kebangsaan, unit Perpustakaan telah mengadakan pelbagai aktiviti menarik sepanjang bulan Julai. Di antara nya adalah pertandingan video bercerita tahap 1. Pertandingan ini telah menampilkan beberapa peserta dan pihak Majlis telah menjemput para pemenang untuk menerima hadiah dan penghargaan atas persembahan yang telah ditonjolkan.



DIGITAL COMMUNITY CENTRE
BATU NIAH COMMUNITY CENTRE

BULAN MEMBACA KEBANGSAAN

AKTIVITI DIPERTANDINGKAN:

- 

PERTANDINGAN VIDEO BERECERITA TAHAP 1


- 

VIDEO PENTAS MINI "BOOK TO DRAMA" TAHAP 2 (TAJUK: HELAH SANG TUPAI)


- 

PERTANDINGAN MENULIS CERPEN



AKTIVITI SAMPINGAN:

AKTIVITI GOTONG-ROYONG PASCA BANJIR BANGUNAN BARU PERPUSTAKAAN AWAM BEKENU



13 Julai 2025

Bekenu - Unit Perpustakaan Majlis Daerah Subis telah bersama-sama mengadakan **g o t o n g - r o y o n g** membersihkan bangunan baharu Perpustakaan Awam Bekenu akibat daripada bencana banjir yang lalu.



KEJOHANAN ESPORT 4.0 MOBILE LEGEND BANG BANG

KEJOHANAN ESPORT 4.0

MOBILE LEGEND BANG BANG



19 Julai 2025

Batu Niah - Dalam menyempurnakan aktiviti bulanan, Unit Perpustakaan dengan kerjasama *Digital Community Centre (DCC)* telah mengadakan Pertandingan Kejuhanan Esport Mobile Legend 4.0 di Perpustakaan Awam Batu Niah.



PROGRAM BENGKEL ASAS KECEMASAN KEBAKARAN BERSAMA BOMBA KOMUNITI DAERAH SUBIS TAHUN 2025 ZON SAMALAJU



2 Ogos 2025

Suai, Niah - Pihak Majlis Daerah Subis dengan Kerjasama beberapa Agensi Kerajaan tempatan yang lain telah menjayakan Program Bengkel Asas Kecemasan Kebakaran bersama Bomba Komuniti Daerah Subis Tahun 2025: Zon Samalaju yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Majang ak Renggi, Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Pelabuhan) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri ADUN N.70 Samalaju.



MESYUARAT PERSIAPAN TUSAN BRISKWALK



14 Ogos 2025

Bekenu- Pengerusi JK Kesejahteraan Komuniti & Pelancongan, Cr Joseph Billy ak Changgai dan Timbalan Pengerusi Cr Sharbini bin salleh telah mengetuai mesyuarat bersama Bahagian Pembangunan Komuniti Majlis Daerah Subis untuk berbincang mengenai persiapan Program Tusan Briskwalk yang akan dilaksanakan pada akhir bulan Ogos ini.



PERTANDINGAN FOTOGRAFI "SUBIS KU SAYANG"



12-25 Ogos 2025

Batu Niah - Unit Perpustakaan Awam dan Digital Community Centre (DCC) Batu Niah telah mengadakan aktiviti pada bulan Ogos iaitu Pertandingan Fotografi "Subis Ku Sayang". Aktiviti ini memaparkan keunikan, kesenian & kebudayaan tradisional yang ada di Daerah Subis.

DIGITAL COMMUNITY CENTRE
BATU NIAH DIGITAL COMMUNITY CENTRE

PERTANDINGAN FOTOGRAFI "SUBIS KU SAYANG"

12-25 Ogos 2025

"Jom Sertai Pertandingan Fotografi
"SUBIS KU SAYANG"
Tangkap Momen Indah & Unik Yang Memaparkan
Keunikan Kesenian & Kebudayaan Di Daerah Subis"

HADIAH MENANTI ANDA!

- 1st RM200
- 2nd RM150

SCAN QR UNTUK SYARAT-SYARAT & BORANG PENYERTAAN

KURSUS PENGURUSAN SISTEM ANGKASA2



22 Ogos 2025

Bekenu - Unit Perpustakaan telah menghantar beberapa staff Atendan Perpustakaan untuk menghadiri kursus pengurusan sistem angkasa yang disampaikan dan didedahkan oleh wakil dari pihak Perpustakaan Awam Negeri Sarawak untuk membantu pihak pengurusan perpustakaan awam yang ada di seluruh Sarawak di bawah kementerian kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak.



GOTONG -ROYONG PENANAMAN BUNGA MAJLIS DAERAH SUBIS



22 Ogos 2025

Bekenu - seluruh kakitangan Majlis Daerah Subis telah bersama-sama menjayakan program gotong-royong penanaman pokok bunga bagi menceriakan persekitaran dan suasana pejabat selepas selesai perhimpunan umum pagi.



MIRI CITY CAR FREE DAY 2025



23 Ogos 2025

Miri - Wakil dari Majlis Daerah Subis telah menyertai Miri City Car Free Day yang telah berlangsung di Bandar Raya Miri anjuran Majlis Bandar Raya Miri. Seluruh peserta dikenakan untuk *Brisk Walk* mengikut laluan yang telah ditetapkan di sekitar Bandar Raya Miri bagi menyokong tema program iaitu hari tanpa kereta.



TUSAN BRISKWALK 31 OGOS 2025



31 Ogos 2025

Tusan, Bekenu - Majlis Daerah Subis telah meraikan hari kemerdekaan dengan mengadakan Program Tusan Brisk Walk Daerah Subis yang berlangsung di tapak pelancongan Pantai Tusan bersama penduduk setempat. Aktiviti ini juga dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Lukanisman bin Awang Sauni.



MESYUARAT BULANAN (SEPTEMBER) BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN UNIT PERPUSTAKAAN



2 September 2025

Bekenu - Mesyuarat Bulanan Bahagian Pembangunan Komuniti dan Unit Perpustakaan telah dijalankan untuk sesi September bagi membincangkan aktiviti dan gerak kerja yang akan dijalankan sepanjang bulan September.



MESYUARAT PENUTUPAN PERPUSTAKAAN DESA RIOH, SUAI BERSAMA JKKK TUAI RUMAH BONIFACE BADA



8 September 2025

Rioh, Suai - Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti dan Ketua Unit Perpustakaan Majlis Daerah Subis telah berbincang bersama Ahli JKKK Rumah Panjang Boniface Bada tentang penutupan perkhidmatan Perpustakaan Desa, Rioh.



KURSUS ASAS ARTIFICIAL INTELLIGENCE (A.I)



18 September 2025

Batu Niah - Unit Perpustakaan telah menganjurkan kursus asas Artificial Intelligence (A.I) dengan menjemput tenaga pengajar dari Sarawak Skill, Miri bagi menerangkan tentang apa sebenarnya dan bagaimana mengaplikasikan penggunaan A.I dalam kehidupan seharian.



PERSIAPAN DAN PERPINDAHAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM BEKENU



24 September 2025

Bekenu - Sebelum perasmian dan penggunaan bangunan baru Perpustakaan Awam Bekenu, kakitangan unit perpustakaan telah mengadakan persiapan dan perpindahan aset-aset perpustakaan ke bangunan yang baru.



MESYUARAT BULANAN (OKTOBER) BAHAGIAN UNIT PERPUSTAKAAN



3 Oktober 2025

Batu Niah - Mesyuarat bulanan sesi Oktober oleh Unit Perpustakaan telah dijalankan pada setiap minggu pertama bulan baharu untuk membincangkan gerak kerja yang akan dijalankan pada bulan tersebut dan aktiviti akan datang.

MINGGU ALAM SEKITAR: PROGRAM KITAR SEMULA DAERAH SUBIS



4 Oktober 2025

Bekenu - Minggu Alam Sekitar: Program Ewaste Daerah Subis telah dijalankan untuk sesi bulan Oktober di *Rural Transformation Centre (RTC)*, Bekenu anjuran bahagian Pembangunan Komuniti dan Bahagian Kesihatan Awam & Perkhidmatan Bandar dengan kerjasama Persatuan Buddha Tzu Chi.



AKTIVITI GOTONG-ROYONG PENANAMAN BUNGA DI SEKITAR HALAMAN PERPUSTAKAAN AWAM BEKENU



9 Oktober 2025

Bekenu - Selepas perasmian bangunan baharu Perpustakaan Awam Bekenu, seluruh kakitangan Unit Perpustakaan Awam cawangan Bekenu telah mengadakan aktiviti gotong-royong penanaman pokok bunga di sekitar halaman bangunan tersebut untuk menceriakan kawasan sekitar.



BATU NIAH CAR FREE DAY



25 Oktober 2025

Batu Niah - Bahagian Pembangunan Komuniti dan Unit Perpustakaan telah mengadakan Program *Batu Niah Car Free Day* pada 25 Oktober yang lalu untuk menggalakkan kepada komuniti setempat untuk tidak menggunakan hari tanpa kenderaan (yang membebaskan asap). Dalam aktiviti tersebut para peserta digalakkan untuk berjalan sejauh 7 KM. Dalam pada itu, terdapat aktiviti lain dianjurkan seperti pertandingan mewarna untuk kanak-kanak.



MESYUARAT BERSAMA JAWATANKUASA PENDUDUK RUMAH PANJANG CHANGGAI SEMPENA HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN BERSAMA KOMUNITI2025



31 Oktober 2025

Sg Sah, Ulu Niah - Bahagian Pembangunan Komuniti dan Unit Perpustakaan telah mengadakan mesyuarat awal bersama penduduk RH. Changgai di Ulu Niah bagi membincangkan dan membentangkan aktiviti yang akan dijalankan di Rumah Panjang tersebut sempena Hari Terbuka Perpustakaan yang akan dilaksanakan pada bulan November 2025.



BUILDING HIGH PERFORMANCE TEAM FOR MAJLIS DAERAH SUBIS



7 November 2025

Miri - Majlis Daerah Subis telah mengadakan minggu kebersamaan kakitangan iaitu *Building High Performance Team For Majlis Daerah Subis 2025* di Eastwood Valley Golf & Country Club, Miri. Hasil daripada aktiviti ini dianjurkan, ia dapat mengeratkan lagi nilai kebersamaan dan semangat sepunya dalam kalangan kakitangan.



HARI BERTEMU PELANGGAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



8 November 2025

Bekenu - Hari Bertemu Pelanggan anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia telah diadakan pada bulan November yang lalu untuk melakukan pendekatan bersama komuniti setempat terutama di Daerah Subis bagi mendedahkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan awam tempatan yang ada di sekitar Daerah subis.



PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN BERSAMA KOMUNITI 2025



15 November 2025

Sg Sah, Ulu Niah - Unit Perpustakaan telah mengadakan aktiviti tahunan iaitu Program Hari Terbuka Perpustakaan Bersama Komuniti 2025 di RH. Changgai Ak Dali, Sg Sah, Ulu Niah. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan sepanjang program berlangsung disamping mendedahkan perkhidmatan yang ada di perpustakaan



PROGRAM "OSHA DAY" MAJLIS DAERAH SUBIS



18 November 2025

Bekenu - Bahagian Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan Awam telah mengadakan Program "Osha Day" Majlis Daerah Subis dengan menjemput beberapa pegawai Dari Agensi Anti Dadah Cawangan Miri untuk memberikan taklimat berkenaan dengan kepentingan keselamatan di tempat kerja dan pendedahan tentang prosedur keselamatan.



SESI AUDIT KELAB INOVASI & KREATIF PIHAK BERKUASA TEMPATAN, MAJLIS DAERAH SUBIS



25 November 2025

Bekenu - Beberapa Pegawai Auditor dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan sesi audit terhadap Kelab Inovasi Dan Kreatif (KIK) Majlis Daerah Subis yang bertujuan untuk lakukan senarai semak organisasi kelab tersebut dari setiap aspek terutama gerak kerja serta struktur kewangan yang telah dibelanjakan bagi mengelakkan salah laku serta mengekalkan integriti terhadap pertubuhan yang telah didaftarkan oleh kerajaan.



SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH SUBIS OLEH KELAB REKREASI DAN KEBAJIKAN KAKITANGAN (KRKK)



3 Disember 2025

Bekenu - Kelab Rekreasi dan Kebajikan Kakitangan (KRKK) majlis daerah subis telah mengagihkan sumbangan khairat kematian kepada kakitangan yang telah kehilangan keluarga. Hasil agihan tersebut merupakan sumbangan ehsan dari seluruh kakitangan Majlis Daerah Subis.



OPERASI PENYELAMAT DAN AGIHAN ASET-ASET BANTUAN BANJIR KEPADA MANGSA BANJIR DI DAERAH SUBIS



9 Disember 2025

Bekenu - Ahli Tindakan Pantas Bencana dari kalangan kakitangan Majlis daerah Subis telah melakukan satu operasi menyelamatkan dan mengagihkan aset-aset bantuan banjir kepada mangsa banjir yang telah menimpa di Daerah Subis yang terkesan. Agihan bantuan tersebut merupakan khemah sementara yang dijadikan tempat perlindungan kepada mangsa-mangsa banjir yang terkesan.



MAJLIS ANUGERAH MPHLG 2024



10 Disember 2025

Kuching - beberapa kakitangan daripada Majlis Daerah Subis telah dinobatkan sebagai kakitangan yang cemerlang sepanjang perkhidmatan dalam sebuah majlis Anugerah kecemerlangan anjuran Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diadakan pada Disember yang lalu.



GOTONG-ROYONG PASCA BANJIR PERPUSTAKAAN AWAM BEKENU



11 Disember 2025

Bekenu - selepas bencana banjir melanda daerah Subis pada bulan Disember, seluruh kakitangan Perpustakaan Majlis Daerah Subis telah mengadakan gotong-royong untuk membersihkan kawasan sekitar serta menyusun barang-barang bagi mengelakkan daripada terjejas oleh bencana.



MINGGU ALAM SEKITAR: PROGRAM E-WASTE DAERAH SUBIS (OKTOBER)



13 Disember 2025

Bekenu - Majlis Daerah Subis telah menganjurkan Minggu Alam sekitar: Program Ewaste Daerah Subis untuk sesi Disember dengan kerjasama Persatuan Buddha Tzu Chi. Seluruh komuniti di Daerah Subis khususnya Bekenu berpeluang untuk menyertai dengan menghantar barangan Ewaste mereka masing-masing dengan sukarela agar persekitaran komuniti di Daerah ini kekal terpelihara.



EARTH DAY PROGRAM: MAJLIS DAERAH SUBIS TREE PLANTING “PROTECT THE MOTHER NATURE”



15 Disember 2025

Bekenu - Bahagian Pembangunan Komuniti dengan kerjasama Bahagian Kejuruteraan Awam dan Bahagian Penguatkuasa telah menganjurkan aktiviti *Earth Day Program: Majlis Daerah Subis Tree Planting “Protect The Mother Nature”* untuk memastikan kelestarian kawasan awam di Daerah Subis dengan Alam Flora disamping mengekalkan kesuburan tanah lapang yang ada di kawasan Awam di Daerah Subis.





17 Disember 2025

Miri - Mesyuarat ini menjadi platform utama untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan pembangunan dan kemajuan kawasan pentadbiran daerah Subis.

Majlis Daerah Subis komited untuk meneruskan usaha merealisasikan visi pembangunan yang mapan dan inklusif untuk kebaikan semua.



MAJLIS APRESIASI MAJLIS DAERAH SUBIS 2025



17 Disember 2025

Miri - Majlis Daerah Subis telah mengadakan Malam Apresiasi di Hotel Pullman, Miri bagi meraikan khidmat bakti yang telah ditonjolkan oleh seluruh kakitangan Majlis Daerah Subis termasuk Ahli Majlis yang turut melaksanakan gerak kerja di Kawasan masing-masing bagi memastikan Jabatan Kerajaan Tempatan khususnya Majlis Daerah Subis terus kekal berfungsi sebagai sebuah jabatan yang berkhidmat dengan rakyat dan komuniti terutama di Daerah Subis.



SESI GOTONG-ROYONG, PERPINDAHAN ASET-ASET DAN PENUTUPAN PERPUSTAKAAN DESA RIOH, SUAI



24 Disember 2025

Bekenu - Sebelum penutupan tahun 2025, aktiviti pengosongan Perpustakaan Desa Rih, Suai telah dijalankan atas arahan kementerian kerana berakhirnya perkhidmatan perpustakaan di Desa Rih, Suai. Aktiviti gotong-royong serta pengosongan telah dilakukan oleh beberapa kakitangan Majlis Daerah Subis.



